



## Strategi Nabi SAW Menangani Penularan Penyakit yang Mencapai Tahap Pandemi

### *[The Prophet's Strategy for Dealing with Pandemic Disease Infections]*

(Muhammad Masruri<sup>1\*</sup>, Arwansyah Kirin<sup>1</sup>, Faisal Husen Ismail<sup>1</sup>,  
Che Adenan Mohamad<sup>1</sup>, Imam Tabroni<sup>2</sup>, Nik Kamal Wan Mohamad<sup>1</sup>)

<sup>1</sup> Jabatan Pengajian Islam, Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Malaysia

<sup>2</sup> Sekolah Tinggi Agama Islam (STAI) DR. KH. EZ. Muttaqien Purwakarta, Indonesia

\* Corresponding Author: Muhammad Masruri. Jabatan Pengajian Islam, Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja 84600, Batu Pahat Johor E-mail: [masruri@uthm.edu.my](mailto:masruri@uthm.edu.my). Telp.: +60165379917. <https://orcid.org/0000-0001-7079-8351>

---

#### **Keywords:**

*Method, al-sunnah, disease, pandemic, spread*

---

#### **ABSTRACT**

*Infectious diseases are extremely dangerous and have become a major issue for all populations worldwide. Diseases that have reached pandemic proportions spread rapidly throughout the world and can infect anyone without exception. Although at the beginning of Islam the Prophet (SAW) has given several methods of how to deal with it, but there are still many Islamic people who do not understand and practice these methods well. This study aims to explore and explain some of the methods of the Prophet when dealing with the outbreak of the Taun and Leprosy pandemic infections in the community at that time. This study employs a document analysis methodology with a focus on the Prophet's approach to dealing with and controlling the outbreak's spread. Among these methods are; prohibition of entering the area affected by the outbreak and the prohibition of getting out of it, obey the directions of the leader to always stay at home, be patient with the provisions of Allah SWT, do not find those who are infected with patients, maintain imprisonment, strive to find a cure and are confident that every disease has a cure. The teachings and methods of the Prophet (SAW) are expected to guide Muslims when facing pandemic disease infections from time to time*

---

#### **Kata Kunci:**

*Kaedah, al-Isunnah, penyakit, wabak, berjangkit*

---

#### **ABSTRAK**

Penyakit berjangkit merupakan penyakit sangat berbahaya dan menjadi masalah besar bagi seluruh penduduk di seluruh dunia. Penyakit yang telah mencapai tahap pandemik mempunyai kadar penularan yang sangat pantas keseluruh dunia serta boleh menjangkiti sesiapa tanpa terkecuali. Walaupun pada awal Islam Rasulullah SAW telah memberi tunjuk ajar cara menanganinya, namun masih ramai masyarakat Islam yang belum memahami dan mengamalkan kaedah tersebut dengan baik. Kajian ini bertujuan bagi meneroka dan menjelaskan beberapa kaedah Rasulullah semasa menangani merebaknya jangkitan wabak Taun dan Kusta kepada masyarakat ketika itu. Kajian ini menggunakan metodologi analisis dokumen dengan tumpuan kajian mengenai pendekatan

Rasulullah SAW menangani dan mengawal merebaknya jangkitan wabak tersebut. Antara kaedah tersebut adalah; larangan memasuki kawasan yang terkena wabak serta larangan keluar darinya, patuh arahan pemimpin sentiasa kekal tinggal di rumah, bersabar atas ketentuan Allah SWT, tidak menemui mereka yang terjangkiti pesakit, menjaga penjarakan, berikhtiar mencari kesembuhan dan yakin bahawa setiap penyakit ada ubatnya. Pengajaran dan tunjuk ajar Baginda SAW ini diharapkan sebagai panduan umat Islam ketika menghadapi jangkitan penyakit pandemik dari semasa ke semasa.

Received: November 15, 2021

Accepted: March 15, 2022

Online Published: June 30, 2022

## 1. Pengenalan

Penyakit yang telah mencapai tahap pandemik merupakan wabak penyakit yang berjangkit, merebak dan menyerang suatu kawasan yang luas melepasi komuniti atau daerah seperti daerah, negeri, negara bahkan melepasi benua. Wabak ini boleh mempunyai kadar jangkitan yang pantas dengan melepasi sempadan yang lebih luas seperti sebuah negara, benua atau mungkin juga seluruh dunia. (Miquel Porta 2014). Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) memberi kenyataan bahawa pandemik boleh berlaku sekiranya memenuhi tiga syarat iaitu ianya merupakan penyakit baru dan muncul menjangkiti manusia dalam komuniti yang lebih luas, menyebabkan kesakitan yang teruk dan serius bahkan membawa kepada kematian, berjangkit dan merebak dengan mudah serta sangat pantas keseluruh dunia. Dengan tingkat jangkitan yang sangat tinggi, wabak ini perlu ditangani dalam kadar segera bagi mengawal penyebaran wabak tersebut. Pandemik merupakan penyakit yang sudah ada semenjak awal tamadun manusia. Antara tahun 165 Masihi dunia dilanda penyakit pandemik yang dikenal dengan *Antonine Plague*. Ianya merupakan antara pandemik terawal yang menjangkiti manusia. Pandemik ini telah mengorbankan lima juta nyawa manusia. Wabak *Justinian* merupakan antara penyakit berjangkit yang menyebabkan kegemparan dan kegelisahan masyarakat dunia antara tahun 541 hingga 542 Masihi. Wabak ini telah mengorbankan 30 hingga 50 juta nyawa manusia. Antara tahun 1347-1352, pandemik *The Black Death* merebak dan menjangkiti jutaan manusia di benua Eropah, Afrika dan Asia. Penyakit ini telah mengorbankan lebih daripada 75 juta nyawa manusia. Pada periode berikut, wabak *Selesema Sepanyol* telah menyerang dan menjangkiti hampir seluruh kawasan Eropah serta merebak dengan sangat pantas keseluruh dunia antara tahun 1918 hingga 1920 Masihi. Wabak ini merupakan antara wabak yang terjadi dalam abad 20. Penyakit ini telah mengorbankan 50 juta nyawa manusia. (Michael S. Rosenwald 2020) Pada masa ini, seluruh umat manusia diseluruh dunia telah dirisaukan dengan jangkitan pandemik COVID-19 yang sangat pantas merebak ke seluruh dunia. Menurut pemberitaan Worldometer, hingga 3 April 2022, pandemik Covid-19 telah menjangkiti 514,017,628 orang dan mengorbankan seramai 6,263,366 nyawa manusia. Dalam tamadun Islam kota Makkah, Iraq, negeri Sham dan Palestin pernah dilanda penyakit taun sebagai wabak pandemik yang sangat berjangkit dan merebak dengan sangat pantas (Ibn al-Athir 1987). Menurut penjelasan al-Zahabi (1982) bahawa ketika peristiwa jangkitan wabak pandemic iaitu dalam tahun 1055 Masihi, tempat ibadah seperti masjid terpaksa ditutup.

Islam sebagai agama rahmat bagi seluruh alam semesta mengandungi pelbagai pengajaran dan aturan dalam kehidupan harian. Islam sangat mengambil berat mengenai kesihatan dan cara merawat serta penjagaannya. Rasulullah SAW mengambil berat mengenai kesihatan dan menggalakkan umatnya untuk menjadi manusia yang sihat dan kuat, sepertimana dalam sabdanya:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْمُؤْمِنُ الْقَوِيُّ خَيْرٌ وَأَحَبُّ إِلَى اللَّهِ مِنَ الْمُؤْمِنِ الضَّعِيفِ

Rasulullah SAW bersabda: 'Mukmin yang kuat lebih baik dan lebih dicintai oleh Allah SWT daripada Mukmin yang lemah. (Muslim, *Kitab al-Qadr, Bab fi al-Amr bi al-Qawi wa al-Tark bi al-'Ajz wa al-Isti'ana* Billah wa Tafwid al-Maqadir Billah, no. Hadis 4816).

Musa Shahin (2002) menyatakan bahawa seorang mukmin yang kuat adalah meliputi seluruh aspek, kuat dalam hal amalan akhirat juga amalan dunia. Hadis ini juga memberi pengertian bahawa mukmin yang sihat dan kuat lebih mempunyai keupayaan bagi melaksanakan ibadah dengan lebih baik. Tubuh badan yang sihat dan kuat memiliki imuniti yang amat baik bagi menolak serangan wabak penyakit.

Islam menggalakkan umatnya untuk melindungi diri mereka dengan menggunakan pendekatan bersama menjaga kepercayaan dan ketakwaan kepada Allah. Ajaran Islam sentiasa mengambil berat bagi

melindungi orang ramai daripada penyakit berjangkit dan kematian sejak permulaan Islam. Baginda SAW memberi nasihat kepada para sahabat agar menghargai kesihatan dan hidup mereka. (Hamid Ashraf et. al. 2020). Al-Quran dan al-sunnah memberikan panduan yang sangat baik bagi menangani pengurusan jangkitan dan merebaknya penyakit pada skala pandemik secara menyeluruh. Kajian ini bertujuan bagi menjelaskan tujuh kaedah yang digunakan oleh Rasulullah SAW bagi mengawal merebaknya jangkitan penyakit mencapai tahap pandemik.

## 2. Kaedah Nabi SAW menangani merebaknya jangkitan wabak

Rasulullah SAW sebagai pembawa syariat Islam telah memberi tunjuk ajar kepada umatnya mengenai kaedah menangani setiap penyakit yang menimpa setiap manusia termasuklah penyakit berjangkit. Rasulullah SAW mengambil pendekatan pencegahan penyakit berjangkit dengan tidak semata-mata berserah diri kepada Allah SWT sahaja tetapi perlu ada usaha dan ikhtiar. Ianya sebagai bentuk ijthad bagi menzahirkan nilai sebagai seorang hamba yang bertakwa. Islam sangat mengambil berat mengenai pencegahan dan langkah penjagaan terlebih dahulu daripada pelbagai penyakit.

Pada hari ini terdapat sesetengah masyarakat Islam yang mempunyai pandangan bahawa manusia seeloknya menyerahkan diri semua urusan nasibnya kepada ketentuan Allah SWT dan tidak perlu berusaha menghindar dan lari kerana takut kepada penyakit berjangkit. Terdapat juga sesetengah golongan yang menyatakan bahawa takut kepada Allah adalah lebih mustahak berbanding takut kepada penyakit. Golongan seperti ini merupakan antara golongan yang menghadapi masalah pemahaman yang bercelaru. Mereka kurang memahami Islam secara lebih mendalam. Islam sangat menggalakkan umatnya untuk berusaha dan mengambil iktibar bahawa semua kejadian didunia adalah atas ketentuan Allah SWT. Ikkhtiar dan berusaha melakukan pencegahan bagi memelihara nyawa merupakan antara asas penting dalam konteks Islam (Ahmad Zarqa 1989). Seorang hamba perlu berusaha melakukan pencegahan serta berikhtiar bagi mencari jalan penyembuhan, manakala selebihnya adalah berserah diri kepada kekuasaan dan keredaan Allah SWT (Masruri 2019). Seeloknya seorang muslim perlu mengambil sesuatu yang lebih banyak mengandungi manfaat dan meninggalkan sesuatu yang lebih sedikit mudarat mengamalkan kaedah fiqh: *درء المفساد مقدم على جلب المصالح* (meninggalkan kerosakan lebih diutamakan berbanding menarik kemaslahatan).

Dalam menangani merebaknya jangkitan penyakit yang mencapai tahap wabak atau pandemic, Rasulullah SAW memberi tunjuk ajar kepada umatnya beberapa kaedah. Antara kaedah tersebut adalah larangan memasuki dan meninggalkan kawasan yang terkena wabak, tetap tinggal di rumah, bersabar, menyakini ketentuan Allah.

### 2.1 Larangan Memasuki Kawasan yang Tertimpa Wabak Pandemik

Rasulullah SAW memberi tunjuk ajar kepada para sahabat dengan memberi amaran supaya tidak memasuki kawasan yang menjadi punca jangkitan penyakit wabak pandemik. Antara penyakit pandemik yang merbahaya pada masa itu adalah taun. Para sahabat digalakkan untuk sentiasa bersedia dan berwaspada ketika wabak penyakit melanda suatu kawasan. Baginda SAW bersabda:

إِذَا سَمِعْتُمْ بِهِ بَأْرَضٍ فَلَا تَقْدَمُوا عَلَيْهِ ، وَإِذَا وَقَعَ بِأَرْضٍ وَأَنْتُمْ بِهَا فَلَا تَخْرُجُوا فِرَارًا مِنْهُ رَوَى الْبُخَارِيُّ (5739)

Maksudnya: “Apabila kamu mendengar wabak di suatu tempat atau kawasan, maka janganlah kamu pergi ke tempat tersebut. Dan apabila ia berlaku di tempat kamu, maka janganlah kamu keluar lari daripadanya”. (al-Bukhari, *Kitab al-Tibb, Bab Ma Yuzkaru fi al-Ta'un*, no. Hadis 5739)

Hadis ini memberi tunjuk ajar kepada umat Islam, bahawa Rasulullah SAW telah memberi amaran kepada umatnya supaya tidak memasuki daerah atau kawasan yang sedang dilanda musibah wabak yang merbahaya mencapai tahap pandemik seperti penyakit taun.

Taun adalah penyakit muntah-muntah dan selalu buang air besar, kolera atau disebut sebagai wabak (Kamus Dewan 2002). Beberapa pakar kedokteran Islam, seperti al-Rāzī, al-Majūsī dan Ibn Sīnā menyatakan bahawa istilah taun memberi maksud dengan pembengkakan yang terjadi pada kelenjar getah bening (Lawrence Conrad 1982). Pembengkakan yang disebabkan taun memberi kesan kepada tiada bekalan darah dalam kawasan tersebut sehingga bahagian tersebut kering dan mati atau mengandungi nanah (Al-Nawawī 1972). Al-Munawī (1972) menyatakan bahawa taun diistilahkan sebagai penyakit yang sangat merbahaya dan mematikan kerana menyebabkan pembengkakan kelenjar getah bening. Penyakit wabak ini merosakkan kelenjar-kelenjar yang terdapat dalam badan sehingga menyebabkan pembengkakan di bahagian leher dan ketiak. Ibn al-Qayyim (1994) menyatakan bahawa istilah taun merujuk kepada wabak yang berjangkit, gejala atau tanda-tanda yang

menyertainya, ataupun adanya korban kematian kerana wabak tersebut. Kesan daripada wabak ini menyebabkan sebahagian anggota badan menjadi menghitam atau hijau. Oleh itu, penyakit taun dikategorikan sebagai wabak. Ibn Hajar (2001) dan al-Karmani (2001) menyatakan bahawa taun merupakan wabak penyakit yang sangat ganas dan berbahaya kerana ianya merosak seluruh dalam badan, ia boleh memadamkan roh kehidupan dalam badan manusia.

Baginda SAW melarang para sahabat memasuki kawasan yang terkena wabak penyakit taun kerana ianya sangat berbahaya dan mempunyai tahap jangkitan yang sangat tinggi serta sangat cepat. Tujuan larangan Baginda SAW juga bagi mengelakkan diri daripada dijangkiti penyakit pandemik tersebut. Larangan ini juga bagi memberi ketenangan jiwa setiap individu, menghilangkan ragu-ragu yang ditimbulkan oleh syaitan. Allah SWT menyuruh manusia berhati-hati dan tidak berdepan terus dengan wabak walaupun semua itu atas ketetapan Allah SWT (Muhammad Bin Syeikh 2005).

Pada masa ini, dunia dikejutkan dengan adanya wabak Covid-19 yang merebak dengan sangat pantas ke seluruh dunia. Bagi menangani merebaknya jangkitan serta memutus rantai penularan wabak Covid-19, pihak kerajaan dan kementerian kesihatan diseluruh dunia telah memberi garis panduan kepada orang ramai beberapa kaedah yang perlu dipatuhi. Pihak kerajaan Malaysia melalui Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menentukan beberapa peraturan yang perlu dipatuhi oleh orang ramai bagi memutus rangkaian penularan penyakit tersebut. Antara kaedah tersebut adalah pihak kerajaan melarang setiap individu mendatangi kawasan tempat jangkitan yang dikategorikan sebagai zon merah, larangan merentas negeri serta larangan pergi ke luar negara bagi memutus rantaian jangkitan. Perkara ini sesuai dengan perintah Rasulullah SAW kepada umatnya supaya tidak memasuki kawasan yang sedang ditimpa wabak. Larangan memasuki kawasan yang tertimpa wabak sebagai penjagaan terbaik daripada terjangkiti penyakit wabak tersebut. Manakala memasuki dengan sengaja kawasan yang tertimpa wabak merupakan sikap berdepan diri dengan wabak dan ianya bertentangan dengan akal dan syarak (Ibn Qayyim 2012)

## 2.2 Larangan Meninggalkan Kawasan yang Terkena Wabak Pandemik

Antara tindakan pencegahan bagi memutus rangkaian penularan penyakit wabak adalah dengan melarang keluar penduduk yang berada di kawasan yang tertimpa wabak penyakit pandemik. Perkara ini dilakukan sebagai pencegahan awal bagi menghindarkan terjadinya suatu kemudaratan yang lebih besar. Hal ini sepertimana disebutkan dalam hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dalam sahihnya:

أَنَّ عُمَرَ بْنَ الْخَطَّابِ حَرَجَ إِلَى الشَّامِ، فَلَمَّا جَاءَ بِسَرْعٍ بَلَغَهُ أَنَّ الْوَبَاءَ وَقَعَ بِالشَّامِ فَأَخْبَرَهُ عَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنُ عَوْفٍ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِذَا سَمِعْتُمْ بِأَرْضٍ فَلَا تَقْدُمُوا عَلَيْهَا، وَإِذَا وَقَعَ بِأَرْضٍ وَأَنْتُمْ بِهَا فَلَا تَخْرُجُوا فِرَارًا مِنْهَا. فَرَجَعَ عُمَرُ مِنْ سَرْعٍ.

Sesungguhnya Umar RA melakukan perjalanan menuju Syam, ketika sampai di Sargh, Umar mendapat berita bahawa wabak sedang melanda kawasan Syam. Abdurrahman bin Auf memberitahu kepada Umar bahawa Rasulullah SAW bersabda: “Apabila kamu mendengar berlakunya wabak dalam satu kawasan, maka jangan kamu sekalian memasukinya. Dan jika wabak tersebut melanda daerah kamu, maka janganlah kamu meninggalkan tempat itu.” Kemudian Umar bin al-Khattab berbalik arah meninggalkan Sargh, (al-Bukhari, *Kitab al-Heel, Bab Ma Yukrahu Min al-Ihtiyal fi al-Firar min al-Ta'un*, no. Hadis 6973)

Hadis ini hampir mempunyai maksud yang sama dengan hadis di atas, namun dalam penjelasan hadis ini lebih terfokus memberi huraian mengenai larangan keluar daripada tempat yang tertimpa wabak pandemic. Berkenaan mengenai hadis ini, para ulama terdahulu hanya menumpukan kepada pembahasan mengenai keredaan menerima ujian daripada Allah SWT. Para ulama tidak membincangkan mengenai larangan Nabi SAW keluar dari kawasan yang ditimpa wabak serta arahan Nabi SAW supaya kekal berada di tempat atau kawasan terkena wabak (Muhammad Bin Ali 2005). Namun disebalik perintah Nabi SAW tersebut terdapat hikmah yang besar serta bermanfaat bagi setiap orang Islam. Antara hikmah tunjuk ajar Nabi SAW tersebut adalah memutus rangkaian penularan penyakit berjangkit. Mereka yang positif terkena wabak atau mempunyai hubungan rapat dengan orang yang membawa penyakit tidak berpindah dan bergerak ke tempat lain yang akan menyebabkan virus itu tidak merebak ke tempat lain. Hal ini kerana melalui beberapa kajian didapati bahawa orang lain yang mempunyai hubungan secara langsung dengan orang yang terkena wabak boleh menjadi pembawa penyakit wabak tersebut. Menghalang mereka yang berada di kawasan wabak keluar ke kawasan lain bermaksud menghalang mereka yang positif wabak atau yang mempunyai hubungan rapat dengan mereka yang terkena wabak. Metode kuarantin yang telah diperintahkan Nabi Muhammad SAW untuk mencegah wabak

tersebut merebak ke negeri-negeri lain. Bagi memastikan perintah tersebut dilaksanakan, Baginda SAW mendirikan dinding pemisah di kawasan yang dijangkiti wabak (Muhammad bin Ali 2005).

### 2.3 Patuh Arahan Pemimpin Tetap Tinggal Dirumah, Bersabar dan Menyakini Ketentuan Allah SWT

Pada masa ini seluruh dunia masih dalam tahap menangani penularan wabak Covid-19. Seluruh negara di dunia menetapkan peraturan dan panduan bagi mengekang dan memutus rantaian penularan penyakit tersebut. Antara kaedah yang dilakukan adalah dengan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan supaya orang ramai kekal duduk dirumah. Islam merupakan agama mewajibkan umatnya untuk mentaati dan mematuhi peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan oleh para pemimpin. Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ

“Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada Ulil-Amri (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu”. (An-Nisa:59)

Dengan mematuhi arahan daripada pemimpin maka ianya dikira mematuhi peraturan dan undang-undang Allah SWT serta RasulNya (al-Sya'rawi 1991). Oleh itu, setiap Muslim perlu mematuhi segala arahan yang ditetapkan oleh pemimpin selagimana arahan tersebut tidak mengarahkan mereka kepada perbuatan maksiat kepada Allah SWT (al-Asqalani 2000). Dalam hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhari, Rasulullah SAW bersabda:

السَّمْعُ وَالطَّاعَةُ عَلَى الْمَرْءِ الْمُسْلِمِ فِيمَا أَحَبَّ وَكَرِهَ مَا لَمْ يُؤْمَرْ بِمَعْصِيَةٍ فَإِذَا أُمِرَ بِمَعْصِيَةٍ فَلَا سَمْعَ وَلَا طَاعَةَ

Maksudnya:” Mendengar dan mentaati (Pemerintah) adalah wajib bagi setiap Muslim, sama ada dalam perkara yang disukai ataupun yang tidak disukai selagi dia tidak diperintahkan melakukan kemaksiatan. Jika dia diperintahkan melakukan kemaksiatan, maka tidaklah (wajib) dia mendengar dan mentaati”. (al-Bukhari, *Kitab al-Ahkam, Bab al-Sam'u wa al-Ta'at li al-Imam ma Lam Takun Ma'shiyyah*, no. Hadis 7144).

Ketika umat Islam menghadapi wabak Taun, Rasulullah SAW memberi arahan kepada para sahabat untuk sentiasa kekal dikawasan mereka atau kekal duduk dirumah. Kepatuhan umat Islam kepada panduan yang digariskan oleh Rasulullah SAW dalam menghadapi wabak merupakan kunci bagi menurunkan kadar jangkitan dalam kalangan masyarakat. Orang ramai yang tetap tinggal di dalam rumah sepanjang tempoh wabak berlaku dengan penuh kesabaran dan mengharapkan pahala serta meyakini bahawa setiap sesuatu yang menimpa diri seseorang adalah atas ketentuan Allah SWT, maka dirinya akan mendapat pahala syahid (al-Ayni 2001). Dalam hadis yang diriwayatkan al-Bukhari disebutkan:

عن عائشة أُمِّهَا سَأَلَتْ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ الطَّاعُونَ، فَأَخْبَرَهَا نَبِيُّ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَنَّهُ كَانَ عَدَابًا يَبْعَثُهُ اللَّهُ عَلَى مَنْ يَشَاءُ، فَجَعَلَهُ اللَّهُ رَحْمَةً لِلْمُؤْمِنِينَ، فَلَيْسَ مِنْ عَبْدٍ يَقْعُ الطَّاعُونَ، فَيَمُوتُ فِي بَلَدِهِ صَابِرًا، يَعْلَمُ أَنَّهُ لَنْ يُصِيبَهُ إِلَّا مَا كَتَبَ اللَّهُ لَهُ، إِلَّا كَانَ لَهُ مِثْلُ أَجْرِ الشَّهِيدِ

Daripada Aisyah RA, bahawa dia bertanya kepada Rasulullah SAW mengenai taun, kemudian Rasulullah SAW memberitahu kepadanya: “Dahulu penyakit taun merupakan azab yang diturunkan Allah kepada sesiapa sahaja yang dikehendaki-Nya, Allah menjadikannya sebagai rahmat bagi orang beriman. Tiada seorang hamba yang tertimpa penyakit taun, kemudian menahan diri di rumahnya dengan bersabar dan berharap serta tahu bahawa penyakit tha'un tidak akan mengenainya melainkan atas kehendak Allah, nescaya dia akan memperoleh ganjaran seperti pahala orang yang mati syahid” (al-Bukhari, *Kitab al-Tibb, Bab Ajr al-Sabir fi al-Ta'un*, no. Hadis 3474).

Al-Qastalani (1996) menyatakan bahawa taun merupakan azab dan seksa bagi orang kafir dan derhaka manakala bagi orang yang beriman sebagai rahmat kerana sesiapa boleh menghadapi taun dengan sabar akan mendapatkan pahala seperti orang yang mati syahid. Kaedah bersabar merupakan sunnah Nabi Muhammad SAW. Setiap individu diharapkan dapat bersabar untuk menahan diri kekal di rumah. Sabar dalam erti kekal di rumah dan menahan diri untuk tidak keluar semata-mata mengharap reda daripada Allah SWT serta dengan meyakini bahawa wabak penyakit ini merupakan ketentuan dan takdir Allah SWT. Sabar tidak bermakna menyerahkan sepenuhnya, namun ianya harus disertai dengan usaha secara zahir dan batin. Sabar memberi maksud sebagai sikap menahan diri daripada rasa gelisah, cemas, marah, keluh kesah dan kekacauan dalam diri setiap individu. (Ibn Qayyim 1998). Orang yang mempunyai sifat sabar merupakan orang yang mempunyai jiwa yang sihat dan memiliki kepribadian sempurna. Dia mampu menghadapi pelbagai cubaan dan situasi sulit dengan dengan redha dan berserah diri sepenuhnya kepada Allah SWT. (Othman Najati 2006)

Ibn Hajar (2000) menyatakan bahawa hadis ini menekankan aspek disiplin seorang Muslim dalam menghadapi wabak penyakit mencapai tahap pandemik. Seorang Muslim selayaknya mempercayai bahawa wabak yang melanda ini adalah ketentuan daripada Allah SWT, mereka seharusnya mampu mengawal diri mereka di rumah dengan bersabar atas segala ujian yang menimpa mereka serta yakin bahawa segala sesuatu yang berlaku adalah atas kehendak Allah SWT. Seorang muslim yang memiliki semua kriteria yang disebutkan dalam hadis maka dia berhak untuk mendapat ganjaran seperti pahala syahid. (Muhammad Bin Ali 2005). Sifat sabar merupakan antara jalan untuk memperolehi kejayaan. (Ibn Qayyim 1989). Baginda SAW juga menyuruh kalangan sahabat untuk tetap kekal di rumah masing-masing, manakala bagi mereka yang tidak sihat ditempatkan dalam tempat yang khas. Perkara ini dalam istilah perubatan moden dikenali dengan istilah kuarantin.

Dalam Kamus Dewan (2002) disebutkan bahawa kuarantin membawa maksud pengasingan manusia, binatang atau tumbuh-tumbuhan dari luar negara yang disyaki menghidap penyakit berjangkit di tempat yang khas. Kaedah kuarantin atau mengasingkan pesakit dalam tempat tertentu merupakan antara langkah yang berkesan bagi membendung merebaknya wabak penyakit dalam kalangan masyarakat. Kaedah kuarantin ini telah lama dipraktikkan iaitu sekitar abad ke-14 ketika wabak *The Black Death* melanda kawasan Eropah. Pada abad ke-14 hingga ke-19, beberapa negara di dunia mengaplikasikan kaedah kuarantin bagi melindungi rakyat mereka daripada merebaknya penularan wabak penyakit pandemik ini. Selama masa kuarantin sama ada di rumah atau tempat khas, digalakkan untuk meningkatkan kualiti ibadah serta sentiasa berdoa memohon kepada Allah SWT agar wabak pandemik segera berlalu. Ketika masa kuarantin, segala amalan ibadah boleh dilakukan secara individu ataupun berjemaah bersama ahli keluarga di rumah (Najmi 2020)

#### 2.4 Tidak Berjumpa Dengan Pesakit

Antara kaedah yang diajarkan Nabi SAW kepada umatnya bagi menanggulangi merebaknya penyakit berjangkit adalah dengan melarang orang yang sihat berjumpa dengan pesakit. Hal ini sepertimana disebutkan dalam hadis:

قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَا يُورَدَنَّ مُمْرِضٌ عَلَى مُصِحِّحٍ

Nabi SAW bersabda: “Yang sakit janganlah mendatangi yang sihat” (al-Bukhari, *Kitab al-Tibb, Bab La Haamata*, no. Hadis 5771)

Hadis ini memberi penjelasan bahawa sesiapa yang memiliki unta yang sakit dilarang melatakn atau mendatangi unta yang sihat (al-Asqalani 2000, al-Ayni 2001). Larangan ini adalah bertujuan untuk memutus rangkaian jangkitan daripada unta yang sakit kepada unta yang sihat. Demikian juga pemilik unta yang sakit tidak boleh mendatangi pemilik yang sihat. (al-Kashmiri 2005) Hadis ini juga memberi pengajaran kepada umat Islam mengenai pentingnya nilai kesihatan. Seorang yang sihat supaya tidak datang ke tempat orang yang sakit. Tempat pesakit yang terkena penyakit berjangkit perlu diasingkan daripada pesakit biasa. Tempat pengasingan perlu diletak jauh daripada kawasan laluan orang ramai. Dengan diletakkan jauh daripada kawasan orang ramai maka hal ini boleh menghindarkan tempat tersebut daripada dikunjungi orang ramai. Hal ini bagi mengelakkan merebaknya wabak tersebut.

Islam merupakan agama yang sangat memperhatikan umatnya. Baginda SAW menganjurkan umatnya untuk berhati-hati serta mengamalkan langkah-langkah pencegahan dalam menghadapi situasi merebaknya penyakit berjangkit (al-Nawawi 1994). Dalam hadis lain menerusi Amr al-Sarid daripada bapaya berkata: dalam delegasi Thaqif (yang akan dibaaiat Nabi SAW) terdapat seorang lelaki yang berpenyakit kusta. Kemudian Nabi SAW mengutus seorang sahabat (mengatakan kepadanya): “Kami telah menerima baiat kamu, oleh itu kamu boleh pulang”. (Muslim, *Kitab al-Salam, Bab Ijtinab al-Majdhum wa Nahwihi*, no. Hadis 2231).

#### 2.5 Menjaga Jarak dan Menghindar Diri Daripada Perkara yang Membawa Mudarat

Pada masa kini, kerajaan telah memberi panduan kepada seluruh rakyat mengenai kaedah pmutusan rantaian jangkitan wabak pandemik antaranya dengan menjaga jarak sosial. Penjarakan sosial merupakan antara kaedah yang berkesan bagi mengekang penularan wabak pandemik. Penjarakan sosial juga pernah dilaksanakan pada zaman Rasulullah SAW, sepertimana disebutkan dalam hadis yang diriwayatkan al-Bukhari bahawa Rasulullah SAW bersabda:

وَفِرٌّ مِنَ الْمَجْدُومِ كَمَا تَفِرُّ مِنَ الْأَسَدِ

Maksudnya: Dan larilah kamu daripada pesakit kusta sebagaimana kamu melarikan diri dari singa. (Al-Bukhari, *Kitab al-Tibb, Bab al-Judham*, no. Hadis 5707)

Hadis ini memberi pengajaran agar umat Islam menghindar daripada mereka yang terkena wabak berjangkit. Demikian juga menjaga jarak ketika berjumpa dengan mereka. Adapun kadar penjarakan sosial sepertimana ketika Umar ibn al-Khattab berkata kepada Mu'iqib RA yang dijangkiti penyakit kusta:

اجلس مِثِّي فَيَدِّ رَمَحٍ

Maksudnya: Duduklah dengan kadar panjang galah jaraknya dariku (al-Asqalani 2000)

Jika dikaitkan dengan keadaan masa kini maka pandangan dan ijihad Umar bin al-Khattab adalah sangat sesuai diaplikasikan bagi mengekang penularan wabak pandemik, demikian juga arahan daripada pihak pemerintah dan kementerian kesihatan adalah sesuai dengan pandangan Saidina Umar.

## 2.6 Tidak Memudaratkan Orang Lain

Wabak penyakit pandemik merupakan masalah besar bagi setiap individu ataupun bahkan bagi masyarakat dan negara. Penyakit yang telah mencapai tahap pandemik ini tidak boleh dipandang sebelah mata sahaja tetapi perlu diambil berat. Oleh itu bagi sesiapa yang mendapati simptom atau tanda-tanda ada gejala terkena penyakit tersebut, maka dia perlu bersegera mendapatkan rawatan dan tidak boleh keluar berjumpa dengan orang lain. Apabila ianya tidak mengambil berat mengenai kaedaan sakit yang dihadapi dan menjangkiti orang lain maka ianya dikira memberi mudarat kepada orang lain. Dalam hadis Baginda SAW bersabda:

لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ

“Tidak boleh memudaratkan dan tidak boleh membalas mudarat dengan mudarat.” (Hadis hasan riwayat Ibn Majah no. 2341).

Menurut para ulama maksud mudarat adalah memberi mudarat kepada orang lain yang melakukan kesalahan padanya atau tidak melakukan kesalahan (al-Bugha&Misto 2007). Hadis ini memberi amaran kepada umat Islam agar tidak melakukan sesuatu yang boleh membawa mudarat kepada orang lain seperti ketika seseorang sudah tahu bahawa dia sakit tetapi masih berjumpa dengan orang sihat tanpa menjaga penjarakan.

Islam sangat mengambil berat mengenai keselamatan setiap manusia yang berdepan dengan situasi yang menjejaskan kehidupan serta mengancam nyawa. Islam telah menetapkan beberapa panduan khusus ketika menghadapi keadaan darurat seperti ketika adanya jangkitan wabak yang tidak terkendali. Apabila terdapat pertembungan antara sesuatu yang membawa kepada *masalah* dan yang membawa mudarat maka menolak sesuatu kemudaratan merupakan langkah yang diutamakan. Sesuatu kemudaratan sekiranya tidak dikekang, ia akan memberi kesan yang berpanjangan berbanding meninggalkan *masalah* (kebaikan) (Al-Zarqā 1989)

Pihak Kerajaan telah memberi arahan kepada seluruh penduduk untuk kekal tinggal di rumah bagi mengawal jangkitan wabak. Namun tindakan sesetengah individu yang ingkar arahan pihak Kerajaan dengan keluar rumah sesuka hati berpotensi menjadi penyebab baru yang membawa kemudaratan lebih teruk kepada orang lain. Rasulullah SAW memberi amaran tegas perbuatan tersebut dengan bersabda: “Sesiapa yang memberi kemudaratan kepada seseorang, maka Allah akan memberi kemudaratan kepadanya, sesiapa yang menyusahkan seseorang maka Allah akan menyusahkan urusannya (al-Tirmizi, *Kitab al-Bir wa al-Silah, Bab Ma ja'a fi al-Khiyanat wa al-Ghish*, No. Hadis 1940).

Hadis ini memberi pengajaran mengenai amaran/teguran keras kepada sesiapa yang memudaratkan orang lain. Hal ini juga menunjukkan bahawa Allah SWT tidak menyukai hamba-Nya yang bersengaja memberi kemudaratan kepada orang lain.

Allah SWT memberikan perumpamaan kepada mereka yang menyelamatkan nyawa seseorang itu seperti menyelamatkan nyawa seluruh umat manusia. Hal ini sepertimana dijelaskan dalam firman Alla SWT surah al-Maidah ayat 32:

مِنْ أَجْلِ ذَٰلِكَ كَتَبْنَا عَلَىٰ بَنِي إِسْرَائِيلَ أَنَّهُ مَن قَتَلَ نَفْسًا بِغَيْرِ نَفْسٍ أَوْ فَسَادٍ فِي الْأَرْضِ فَكَأَنَّمَا قَتَلَ النَّاسَ جَمِيعًا  
وَمَنْ أَحْيَاهَا فَكَأَنَّمَا أَحْيَا النَّاسَ جَمِيعًا

Dengan sebab (kisah pembunuhan kejam) yang demikian itu kami tetapkan atas Bani Israil, bahawasanya sesiapa yang membunuh seorang manusia dengan tiada alasan yang membolehkan membunuh orang itu, atau (kerana) melakukan kerosakan di muka bumi, maka seolah-olah dia telah membunuh manusia semuanya.

Ibn Kathir (1999) menyatakan bahawa termasuk dalam kategori yang disebutkan dalam ayat ini adalah mereka yang menyelamatkan manusia dari tenggelam lemas atau dibakar, atau apa-apa kebinasaan. Ini memberi maksud bahawa sesiapa menyelamatkan manusia daripada tertular penyakit yang sangat merbahaya dan mencapai tahap pandemik dikira menyelamatkan seluruh manusia.

## 2.7 Berikhtiar Mencari Ubat dan Keyakinan untuk Sembuh

Rasulullah SAW sentiasa memberi nasihat kepada umatnya untuk optimis dan yakin bahawa setiap penyakit dan musibah ada ubatnya. Allah menurunkan penyakit juga ubatnya.

مَا أَنْزَلَ اللَّهُ دَاءً إِلَّا أَنْزَلَ لَهُ شِفَاءً

Allah SWT tidak menurunkan suatu penyakit melainkan diturunkan bersamanya ubat. (al-Bukhari, *Kitab al-Tibb, Bab Ma Anzala Allahu Da'an illa Anzala lahu Shifaa*, no. Hadis 5678).

تَدَاوُوا عِبَادَ اللَّهِ فَإِنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ لَمْ يَضَعْ دَاءً إِلَّا وَضَعَ مَعَهُ شِفَاءً إِلَّا الْأَهْرَمَ

Berubatlah wahai para hamba Allah, sesungguhnya Allah SWT tidak meletakkan/menurunkan suatu penyakit melainkan menurunkan ubat bersamanya, kecuali penyakit nyanyuk. (Ibn Majah, *Kitab al-Tibb, Bab Ma Anzala Allahu Da'an illa Anzala lahu Shifaa*, no. Hadis 3436).

Setiap manusia digalakkan untuk sentiasa berikhtiar mencari kesembuhan. Setiap penyakit yang diturunkan Allah SWT pasti ada ubatnya. Ubat penyakit tersebut pasti akan dijumpai tetapi tidak tahu masanya dan hanya kepada Allah SWT kita meminta kesembuhan.

## 3. Kesimpulan

Segala penyakit yang menimpa manusia merupakan dugaan daripada Allah SWT. Sebagai seorang hamba selayaknya menyerahkan diri sepenuhnya kepada Allah SWT. Namun demikian manusia juga perlu berusaha mendapatkan penawar dan kesembuhan. Rasulullah SAW telah memberikan kaedah yang terbaik bagi umatnya bagi menangani pelbagai macam penyakit termasuklah penyakit berjangkit. Apatah lagi penyakit yang sudah mencapai tahap pandemik. Pada hari ini, ketika seluruh umat manusia diseluruh dunia dirisaukan dengan jangkitan Covid-19 maka akan sangat bermanfaat sekiranya kaedah yang diajarkan Rasulullah SAW sebagai asas bagi menangani penularan wabak tersebut. Hal ini kerana ianya telah terbukti mempunyai kesan yang sangat baik bagi menangani merebaknya penularan penyakit berjangkit ketika awal Islam. Oleh itu sebagai umat Islam seeloknya mengambil berat daripada pengajaran Rasulullah SAW untuk dijadikan sebagai amalan harian dalam kehidupannya.

## 4. Penghargaan

Kajian ini dibiayai sepenuhnya menggunakan dana penyelidikan Tier 1 (H824), Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

## 5. Rujukan

- Ahmad ibn Muhammad ibn Hanbal, al-Imam al-Hāfīz. 1995. *Al-Musnad. Tahqīq* Ahmad Muhammad Shākir. Kaheerah: Dar al-Hadīth.
- al-Asqalānī, Ibn Hajar. 2000/1421H. *Fath al-Bārī Sharh sahih al-Bukhārī. Tahqīq:* °Abd Qadir Shaybah al-Hamdi. Bayrut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah.
- al-°Ayni, Badr al-Din Abi Muhammad Mahmud ibn Ahmad. 2001. °*Umdah al-Qari*. Bayrut: Dar al- Kutub al-Ilmiyyah
- Al-Athir, Ali bin Muhammad bin Abdul Karim. 1987. Al-Kamil fi al-Tarikh. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- al-Bukhārī, al-Imam al-Hāfīz Abi °Abd Allah Muhammad ibn Ismā'īl. 1400 H. *al-Jāmi° al- Sahih*. Kaheerah: al-Matba°ah al-Salafiyy
- Al-Dhahabi, Muhammad bin Muhammad Uthman. 1982. Siyar A°lam al-Nubala. Beirut. Muassasah al-Resalah.
- Hamid Ashraf et. al 2020. Fighting pandemics: Inspiration from Islam. Journal of the Pakistan Medical Association, May 2020, Volume 70, Issue 5, 153-156
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah. 1998. *Zad al-Ma°ad*. Bayrut: Muassasah al-Resalah. 4:36
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah. 2012. *al-Tibb al-Nabawi*. Riyad: Dar al-Salam.
- Al-Imam Syihab al-din Ahmad bin Muhammad al-Qastalani. 1996, Irsyad al-Syari li Sharh Sahih al-Bukhari. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ibn Majah, al-Imām Abī °Abd Allah Muhammad Ibn Yazīd al-Qazwayn. 1998. *Sunan Ibn Mājah*. Tahqīq Bashār °Awwād. Bayrut: Dar al-Jayl.



Published biannually by:  
**HADITH AND AQIDAH RESEARCH INSTITUTE (INHAD),  
Selangor International Islamic University College (KUIS)**  
Email: [jurnalhadis@kuis.edu.my](mailto:jurnalhadis@kuis.edu.my)  
Web: [www.journal.kuis.edu.my/hadis/](http://www.journal.kuis.edu.my/hadis/)  
Bandar Seri Putra, 43600, Bangi, Selangor (Darul Ehsan) Malaysia.  
Tel: 03-8911 7000 Ext: 6129/6130, Fax: 03-8926 6279  
**Vol. 12, No. 23 (JUNE 2022)**

- Kamus Dewan. 2010. Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka. edisi kelapan.
- Karmani. 1981. *Sahih al-Bukhārī bi Sharh al-Karmani*. Beirut: Dar al-Ihya al-Turath al-Arabi.
- Al-Kashmiri, Muhammad Anuar ibn Muazzam Shah. 2005. *Faid al-Bari ‘Ala Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Lawrence Conrad, “Tā’ūn and Wabā’: Conceptions of Plague and Pestilence in Early Islam,” *Journal of the Economic and Social History of the Orient* 25, no. 3 (1982): 292
- Michael S. Rosenwald, “History’s Deadliest Pandemics, from Ancient Rome to Modern America,” *The Washington Post*, 30 Julai 2020, Miquel Porta, ed., *A Dictionary of Epidemiology*, 6th ed. (Oxford: Oxford University Press, 2014), 93, 209
- Muhammad ibn Syeikh al-Allamah Ali bin Adam bin Musa. 2014. *Bahr al-Muhit al-Thajjaj Sharh Sahih Imam Muslim*. Kaherah: Dar Ibn Hazm.
- Muhammad Othman Najati. 2006. *al-Hadith al-Nabawi wa ilm al-Nafs*. Cairo: Dar al-Suruq.
- Muslim, al-Imām al-Hāfīz Abi al-Husayn Muslim ibn al-Hajāj al-Naysābūrī. 2006. *Al-Jāmi‘ al-Sahih*. Riyād: Dar al-Taybah
- Mustafa Daib al-Bugha & Muhyidin Misto. 2007. *Al-Wafi Sharh Arba’in al-Nawawi*. Damaskus. Dar al-Kalim al-Tayyib.
- Musa Shahin Lasin. 2002. *Fath al-Munīm Sharh Sahih Muslim*. Kaherah: Dar al-Shuruq.
- Al-Munawi, Muhammad Abd al-Rauf. 1972. *Fayd al-Qadir Sharh al-Jami‘ al-Saghir*. Bayrut: Dar al-Ma‘rifah.
- Al-Nawawī, Muhyi al-Din Yahya bin al-Sharaf. 1994. *Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi*. Kaherah: Muassasah Qurtubah.
- al-Nasā’ī, Abī ‘Abd al-Rahman ibn Shu‘ayb. 1417 H. *Sunan Al-Nasā’ī. Tahqīq al-Albanī*. Riyād: Maktabah al-Ma‘ārif.
- Syihabuddin Abi Hafs Umar bin Ali. 2008. *Al-Tawdih li Sharh Jami; al-Sahih*. Qatar: Wuzarat al-Awqaf wa al-Syu’un al-Islamiyyah
- al-Tirmidhī, al-Imām al-Hāfīz Muhammad ibn ‘Isā Ibn Sawrah. 1417 H/1987. *Sunan al-Tirmidhī. Tahqīq al-Albanī*. Riyad: Maktabah al-Ma‘ārif.
- Al-Zarqa, Syeikh Ahmad ibn Syeikh Muhammad. 1989. *Sharh al-Qawa’id al-Fiqhiyyah*. Damsyik: Dar al-Qalam.
- Astroawani (2021) <http://www.astroawani.com/berita-dunia/trivia-ini-5-wabak-paling-dahsyat-dalam-sejarah-manusia-238709> (Diakses pada 18 November 2021)
- Worldometers (2022) <https://www.worldometers.info/coronavirus/> (Diakses pada 23 Februari 2022)
- WHO (2021) <https://www.who.int/emergencies/diseases/novel-coronavirus-2019> (Diakses pada 10 September 2021)
- Washingtonpost (2021) <https://www.washingtonpost.com/graphics/2020/local/retropolis/coronavirus-deadliest-pandemics/> (Diakses pada 27 Ogos 2021)